
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HIS 224 – INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab SATU soalan daripada setiap bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A

1. [a] Peminangan dalam Islam boleh dilakukan secara *tasrih* (terus terang) atau *ta'rid* (membayangkan). Bilakah bentuk-bentuk peminangan ini dihalal dan diharamkan? Huraikan.
[30 markah]
- [b] Firman Allah S.W.T yang bermaksud:
"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh (hendak melakukannya). (Al-Nisa': 129)
- Aspek keadilan merupakan aspek yang diwajibkan ke atas lelaki yang ingin berpoligami. Walau bagaimanapun berdasarkan maksud ayat di atas, keadilan tidak mungkin berlaku. Huraikan tafsiran ayat di atas dan hubungannya dengan keharusan poligami?
[30 markah]
- [c] Huraikan EMPAT adab berpoligami dalam ajaran Islam berserta dalil-dalil naqli.
[40 markah]
2. [a] Islam telah menggariskan kriteria yang perlu ada pada calon pengantin perempuan dan pengantin lelaki untuk kebahagiaan yang berkekalan. Antara kriteria yang dituntut ialah agama yang sah, keturunan dan sekufu. Huraikan TIGA kriteria di atas berserta dalil naqli ataupun aqli.
[30 markah]
- [b] Islam mengharuskan poligami demi mencapai matlamat tertentu. Huraikan TIGA hikmah poligami.
[30 markah]
- [c] Islam hadir membawa sinar baru bagi kedudukan dan status wanita jika hendak dibandingkan dalam tradisi dan pandangan Greek, Yahudi dan zaman Arab Jahiliyyah. Huraikan kedudukan wanita dalam Islam berbanding tradisi Greek, Yahudi dan zaman Arab Jahiliyyah.
[40 markah]

Bahagian B

3. [a] Jelaskan hukum dan alasan bagi masalah-masalah berikut:
- [i] Wali mengatakan kepada seorang lelaki ketika sedang berbual berdua, “aku nikahkan anak perempuanku kepada engkau”.
 - [ii] Wali menghantar sms kepada seorang lelaki, “Aku halalkan anak perempuanku kepada kamu”.
 - [iii] Sighah ijab yang digunakan oleh wali dalam Bahasa Inggeris manakala pengantin lelaki menjawabnya dalam Bahasa Malaysia.
 - [iv] Bapa saudara telah mengahwinkan anak saudara perempuannya yang masih dara dengan seorang saudagar kaya secara paksa.
- [40 markah]
- [b] Huraikan TIGA hikmah diwajibkan wali bagi pengantin perempuan dalam urusan perkahwinannya.
- [30 markah]
- [c] Nyatakan:
- [i] Bilakah suami wajib membayar mas kahwin sepenuhnya kepada isteri?
 - [ii] Bilakah suami hanya perlu membayar separuh daripada jumlah mas kahwin yang telah ditetapkan?
 - [iii] Bilakah suami tidak perlu membayar mas kahwin kepada isterinya?
- [30 markah]
4. [a] Nikah *misyar* dan *mut’ah* telah diamalkan dalam masyarakat Islam sekalipun kedua-duanya merupakan bentuk pernikahan yang menimbulkan banyak kontroversi.
- [i] Nyatakan definisi nikah *misyar* dan *mut’ah*.

- [ii] Jelaskan DUA persamaan antara nikah *misyar* dan *mut'ah*.
- [iii] Jelaskan hukum kedua-dua jenis nikah ini.
- [iv] Nyatakan DUA hujah aliran yang membolehkan kedua-dua bentuk pernikahan ini

[40 markah]

- [b] Huraikan TIGA kebaikan dan TIGA keburukan yang mungkin terhasil daripada nikah *misyar*.

[60 markah]

Bahagian C

5. Hubungan ikatan perkahwinan yang murni datang seiringan dengan hak-hak yang perlu dipenuhi oleh setiap suami dan isteri. Ia bertujuan untuk memelihara masalahat setiap individu dalam institusi kekeluargaan tersebut.

- [a] Huraikan hak isteri untuk mendapat nafkah.

[40 markah]

- [b] Jelaskan ENAM perkara yang boleh menyebabkan seorang isteri hilang kelayakan mendapat nafkah.

[30 markah]

- [c] Seorang anak berhak mendapat pendidikan yang sempurna. Huraikan.

[30 markah]

6. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, maksudnya: "Demi Allah yang jiwa Muhammad berada dalam genggaman-Nya, seseorang isteri tidak menunaikan hak Tuhannya sehinggalah dia menunaikan hak suaminya".

- [a] Berdasarkan hadis tersebut, huraikan EMPAT hak suami yang perlu dipenuhi oleh isteri.

[40 markah]

[b] Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh suami apabila berhadapan dengan isteri yang *nusyuz* berserta dalil.

[30 markah]

[c] Huraikan tanggungjawab anak terhadap ibubapa.

[30 markah]

Bahagian D

7. Talak dalam Islam merupakan jalan keluar bagi menyelesaikan penderitaan suami isteri yang mungkin berlaku sekiranya tiada perceraian. Bagaimanapun pada prinsipnya ia adalah sesuatu yang tidak digalakkan. Berdasarkan kenyataan ini, jawab soalan-soalan berikut:

[a] Huraikan jenis-jenis talak

[40 markah]

[b] Bagaimanakah Islam meletakkan kaedah untuk seorang isteri mendapatkan pembubaran perkahwinan?

[30 markah]

[c] Huraikan fungsi '*iddah*' dan jenis-jenisnya

[30 markah]

8. Hadhanah adalah antara perkara yang sering menjadi tuntutan pasangan suami isteri yang telah bercerai. Berdasarkan kenyataan ini, jawab soalan-soalan berikut:

[a] Siapakah yang mempunyai hak *hadhanah* yang utama dan mengapa?

[30 markah]

[b] Bagaimanakah keutamaan ini boleh berpindah?

[30 markah]

[c] Huraikan kedudukan nafkah anak dan isteri selepas perceraian?

[40 markah]